

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HGM 435 Geografi Perindustrian

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Pelaburan terus asing bukanlah sesuatu yang mutlak dan kekal dalam pertumbuhan ekonomi di negara membangun. Bagaimanakah negara membangun mampu mengekalkan kadar pertumbuhan di masa yang akan datang?
[25 markah]

2. [a] Bincangkan kesan perubahan global ke atas sektor perindustrian di negara membangun.
[15 markah]

- [b] Apakah kesan perubahan tersebut ke atas proses pemindahan teknologi negara maju-negara membangun?
[10 markah]

3. [a] Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi yang pesat di wilayah Asia-Pasifik.
[15 markah]

- [b] Apakah kriteria-kriteria yang digunakan untuk mengukur sesebuah negara itu sudah berada pada tahap negara perindustrian?
[10 markah]

.../2

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. Daya saing dan proses peningkatan kemahiran buruh dalam sesebuah negara perindustrian baru dikaitkan dengan proses lokalisasi perubahan sains dan teknologi. Bincangkan pernyataan ini berpandukan kepada sebuah negara membangun. [25 markah]

5. Bincangkan bagaimana pertumbuhan sektor perindustrian perkilangan mutakhir secara langsung dikaitkan dengan pertumbuhan dan pengantarabangsaan sektor perkhidmatan. Rujuk kepada negara-negara Asia Pasifik untuk menyokong hujah-hujah anda. [25 markah]

6. Apakah peranan yang dimainkan oleh industri skala kecil dan sederhana (IKS) di dalam negara pengalir pelaburan terus asing dan negara penerima pelaburan terus asing. Sokong hujah-hujah dengan contoh-contoh yang sesuai. [25 markah]

7. Jelaskan bagaimana proses pembangunan teritori (territorial development) dikaitkan dengan impak ruangan perubahan perindustrian perkilangan. Sokong hujah-hujah dengan contoh-contoh pada peringkat subnasional, rantau atau antarabangsa. [25 markah]

-ooo000ooo-